

SENARAI SEMAKAN DOKUMEN YANG PERLU DISERAHKAN OLEH PELAJAR

NAMA PELAJAR :
 NOMBOR KAD PENGENALAN PELAJAR :
 INSTITUSI :

<<APPLICANT NAME>>
<<APPLICANT ID NO>>
<<INSTITUTION NAME>>

BIL	PERKARA	Untuk kegunaan PTPTN
DOKUMEN TAWARAN		
1	Surat Tawaran Pinjaman Pendidikan	<input type="checkbox"/> ___ set
2	Akuan Penerimaan	<input type="checkbox"/> ___ set
3	Surat Kebenaran 1, 2, 3 dan 4	<input type="checkbox"/> ___ set
4	Perjanjian Pinjaman Pendidikan	<input type="checkbox"/> ___ set
5	Lampiran Perjanjian Pinjaman Pendidikan	<input type="checkbox"/> ___ set
e.g 6	Jaminan	<input type="checkbox"/> ___ set
DOKUMEN SOKONGAN		
1	Salinan Kad Pengenalan	
2	Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	
3	Salinan Surat Tawaran Kemasukan ke IPT	
4	Salinan buku akaun (muka surat yang tercatat nombor akaun)/Slip/Pengesahan nombor akaun persendirian mengikut bank yang telah ditetapkan oleh IPT.	
e.g 5	Salinan transkrip keputusan peperiksaan dan sijil kelayakan masuk lain. Contoh : STPM/Diploma/Matrikulasi/Ijazah Pertama/Sarjana	
e.g 6	Salinan Borang Cukai Pendapatan (B/BE/EA/EC)/Slip Gaji/Kad Pesara/borang atau surat pengesahan pendapatan IBUBAPA/PENJAGA PERTAMA (1)/PASANGAN (sekiranya ibubapa/penjamin pertama/pasangan pemohon bekerja)	
e.g 7	Salinan Borang Cukai Pendapatan (B/BE/EA/EC)/Slip Gaji/Kad Pesara/borang atau surat pengesahan pendapatan IBUBAPA/PENJAGA KEDUA (2) (sekiranya ibubapa / penjamin pertama pemohon bekerja)	
e.g 8	Salinan Borang Cukai Pendapatan (B/BE/EA/EC)/Slip Gaji/Kad Pesara/borang atau surat pengesahan pendapatan PEMOHON (sekiranya pemohon bekerja)	
e.g 9	Salinan Borang Cukai Pendapatan (B/BE/EA/EC)/Slip Gaji/Kad Pesara/borang atau surat pengesahan pendapatan PASANGAN PEMOHON (sekiranya pasangan pemohon sudah bekerja)	
e.g 10	Salinan Sijil Kematian/surat pengesahan kematian jika BAPA PEMOHON telah meninggal dunia.	
e.g 11	Salinan Sijil Kematian/surat pengesahan kematian jika IBU PEMOHON telah meninggal dunia.	
e.g 12	Salinan keputusan peperiksaan semester sebelumnya	
e.g 13	Surat pengesahan masih belajar dari IPT.	
MAKLUMAT PELAJAR		
1	Nombor Akaun Bank	<<BANK ACCOUNT NUMBER>>
2	Nama Penjamin 1 dan Pendapatan Bersih	<<1st GUARANTOR NAME>> <<NET INCOME>>
3	Nama Penjamin 2 dan Pendapatan Bersih	<<2nd GUARANTOR NAME>> <<NET INCOME>>

Untuk kegunaan PTPTN sahaja:

STATUS PERMOHONAN: TERIMA / TOLAK

Catatan: _____

Disemak oleh (Pegawai PTPTN):

 (Nama Pegawai & Cop Rasmi Jawatan)

Tarikh : _____


PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL

Lot G2, Tingkat Bawah, Wisma Chase Perdana
Off Jalan Semantan
Damansara Heights
50490 Kuala Lumpur

Telefon: 03 - 2092 7788
Faks: 03 - 20942769/20983769
Laman Web: www.ptptn.gov.my
Emel: penyata@ptptn.gov.my

APPLICANT NAME
APPLICANT PERMANENT ADDRESS LINE 1
APPLICANT PERMANENT ADDRESS LINE 2
POSTCODE CITY
STATE

YYYY/APPLICATION NUMBER
OFFER LETTER DATE

SURAT TAWARAN PINJAMAN PENDIDIKAN

Sukacita dimaklumkan bahawa tuan/puan adalah ditawarkan Pinjaman Pendidikan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) seperti berikut:

(i)	INSTITUSI	INSTITUTION NAME
(ii)	JURUSAN	STREAM
(iii)	KURSUS/PROGRAM	COURSE NAME
(iv)	JENIS PENGAJIAN	TYPE OF ENROLMENT
(v)	PERINGKAT PENGAJIAN	LEVEL OF STUDIES
(vi)	TEMPOH PEMBAYARAN PINJAMAN	DISBURSEMENT PERIOD
	MULAI	DISBURSEMENT START DATE
	HINGGA	DISBURSEMENT END DATE
(vii)	PINJAMAN YANG DILULUSKAN	APPROVED AMOUNT
(viii)	NAMA BANK	BANK NAME
(ix)	NOMBOR AKAUN BANK	BANK ACCOUNT NUMBER
(x)	TEMPOH BAYARAN BALIK	REPAYMENT PERIOD (IN NUMBER OF MONTHS)
(xi)	ANGGARAN ANSURAN BULANAN*	RM INSTALLMENT AMOUNT

* (Ansuran bulanan sebenar akan dimaklumkan bersama Notis Bayaran Balik tertakluk kepada peraturan pembayaran balik yang ditetapkan oleh PTPTN dari semasa ke semasa)

2. Sekiranya tuan/puan bersetuju menerima tawaran ini, sila lengkapkan Akaun Penerimaan, Jaminan dan Perjanjian Pinjaman Pendidikan (PTPTN-P-03/1-2004 Pin.3) dan kembalikan bersama-sama dokumen sokongan kepada PTPTN semasa sesi serahan dokumen-dokumen berkaitan kepada pegawai PTPTN di IPT pada tarikh-tarikh yang ditetapkan. Sekiranya dokumen-dokumen tersebut tidak dikembalikan dengan lengkap pada tarikh yang dinyatakan, tawaran ini boleh dibatalkan oleh PTPTN atas budi bicara mutlak.

3. Walau apapun peruntukan di dalam surat ini, PTPTN berhak meminda syarat-syarat dan terma-terma yang ditetapkan pada bila-bila masa tanpa pemberitahuan dan tuan/puan adalah tertakluk kepada pindaan-pindaan tersebut. PTPTN juga berhak menarik balik tawaran ini tanpa perlu memberi sebarang sebab.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(WAN AHMAD BIN WAN YUSOFF)

b.p. Ketua Eksekutif

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

BARCODE ID NO

APPLICATION ID BAR CODE

(Nota: Sila gunakan nombor ini bersama dengan nombor kad pengenalan untuk semakan penyata kira-kira melalui laman web)

Dokumen ini adalah cetakan komputer dan tidak memerlukan tandatangan

AKUAN PENERIMAAN

NAMA PELAJAR : **APPLICANT NAME**
NOMBOR KAD PENGENALAN : **APPLICANT ID NO**
KURSUS/PROGRAM : **COURSE NAME**
INSTITUSI : **INSTITUTION NAME**
NOMBOR SURAT TAWARAN : **OFFER LETTER NUMBER**
TARIKH SURAT TAWARAN : **OFFER LETTER DATE**
NOMBOR AKAUN BANK : **BANK ACCOUNT NUMBER**
NAMA BANK : **BANK NAME**

Saya seperti nama di atas telah membaca dan memahami segala syarat dan terma pinjaman seperti yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran Pinjaman mengikut nombor dan tarikh surat tawaran yang tertera di atas.

Saya bersetuju menerima tawaran pinjaman pendidikan oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional seperti yang terkandung dalam surat ini.

Saya juga mengesahkan bahawa nombor kad pengenalan, kursus/program dan institusi, nombor akaun dan nama bank yang tertera di atas adalah betul.

Tandatangan :

Tarikh :

ID NO BARCODE

APPLICATION NO BAR CODE

SURAT KEBENARAN 1

NAMA PELAJAR **APPLICANT NAME**
 NOMBOR KAD PENGENALAN **ID NO**
 ALAMAT **APPLICANT PERMANENT ADDRESS LINE 1**
 APPLICANT PERMANENT ADDRESS LINE 2
 POSTCODE CITY
 STATE

Tarikh

Kepada;

Tuan,

KEBENARAN / KEIZINAN PEMOTONGAN BIASISWA/PINJAMAN UNTUK BAYARAN BALIK PINJAMAN PENDIDIKAN PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

NOMBOR SURAT TAWARAN : OFFER LETTER NO TARIKH : OFFER LETTER DATE

Saya seperti nama di atas, dengan ini bersetuju memberi kebenaran/keizinan kepada tuan supaya memotong sebahagian/sejumlah amaun yang ditentukan oleh PTPTN daripada biasiswa/pinjaman pelajaran saya yang diperolehi selain daripada PTPTN untuk dibayar kepada PTPTN sebagai bayaran balik Pinjaman Pendidikan PTPTN.

2. Surat kebenaran ini adalah sebagai memenuhi sebahagian syarat-syarat pinjaman pendidikan yang diluluskan oleh PTPTN mengikut Surat Tawaran Pinjaman Pendidikan seperti di atas.
3. Surat ini sah sehingga keseluruhan pinjaman tersebut dilunaskan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....
 (Tandatangan Pelajar)

ID NO BARCODE
APPLICATION NO BAR CODE

SURAT KEBENARAN 2

NAMA PELAJAR **APPLICANT NAME**
 NOMBOR KAD PENGENALAN **ID NO**
 ALAMAT **APPLICANT PERMANENT ADDRESS LINE 1**
APPLICANT PERMANENT ADDRESS LINE 2
POSTCODE CITY
STATE

Tarikh

Kepada;

Tuan,

KEBENARAN / KEIZINAN MENGHUBUNGI LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI/KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA / PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL / BANK / MANA-MANA AGENSI LAIN UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT-MAKLUMAT PERIBADI PELAJAR

NOMBOR SURAT TAWARAN : OFFER LETTER NO TARIKH : OFFER LETTER DATE

Saya seperti nama di atas, membenarkan PTPTN untuk menghubungi agensi-agensi yang tersebut di atas bagi tujuan mendapatkan maklumat-maklumat peribadi saya pada bila-bila masa diperlukan.

2. Surat kebenaran ini adalah sebagai memenuhi sebahagian syarat-syarat pinjaman pendidikan yang diluluskan oleh PTPTN mengikut Surat Tawaran Pinjaman Pendidikan seperti di atas.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....
 (Tandatangan Pelajar)

ID NO BARCODE
APPLICATION NO BAR CODE

SURAT KEBENARAN 3

NAMA PELAJAR **APPLICANT NAME**
 NOMBOR KAD PENGENALAN **ID NO**
 ALAMAT **APPLICANT PERMANENT ADDRESS LINE 1**
 APPLICANT PERMANENT ADDRESS LINE 2
 POSTCODE CITY
 STATE

Tarikh

Kepada;

Tuan,

**KEBENARAN / KEIZINAN PEMOTONGAN PINJAMAN PENDIDIKAN UNTUK BAYARAN YURAN
 PENGAJIAN KEPADA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI (IPT) PELAJAR**

NOMBOR SURAT TAWARAN : OFFER LETTER NO TARIKH : OFFER LETTER DATE

Saya seperti nama di atas, dengan ini bersetuju memberi kebenaran/keizinan kepada tuan supaya memotong daripada pinjaman pendidikan saya sejumlah amaun yang ditentukan oleh PTPTN atau IPT saya untuk bayaran yuran pengajian yang dikenakan oleh universiti, kolej atau institusi di mana saya mengikuti kursus pengajian.

2. Surat kebenaran ini adalah sebagai memenuhi sebahagian syarat-syarat pinjaman pendidikan yang diluluskan oleh PTPTN mengikut Surat Tawaran Pinjaman Pendidikan seperti di atas.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....
 (Tandatangan Pelajar)

ID NO BARCODE
APPLICATION NO BAR CODE

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL**PERJANJIAN PINJAMAN PENDIDIKAN**

1. PERJANJIAN INI dibuat pada haribulan dan tahun seperti yang dinyatakan di dalam **Bahagian I Jadual Pinjaman** ANTARA Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional suatu pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 (kemudian daripada ini disebut "PERBADANAN") sebagai pihak pertama DENGAN pelajar seperti yang dinyatakan di dalam **Bahagian II Jadual Pinjaman** yang beralamat seperti yang dinyatakan di dalam **Bahagian III Jadual Pinjaman** (kemudian daripada ini disebut "PELAJAR") sebagai pihak kedua .
2. Sebagai balasan bagi Perkara-Perkara yang tersebut di dalam **Lampiran Perjanjian Pinjaman Pendidikan**, PERBADANAN dengan ini bersetuju untuk meminjamkan kepada PELAJAR wang berjumlah seperti yang dinyatakan di dalam **Bahagian IV Jadual Pinjaman** (kemudian daripada ini disebut "Jumlah Tersebut") yang akan dibayar secara berperingkat seperti yang dinyatakan dalam **Fasal 3 Lampiran Perjanjian** ini untuk sepanjang tempoh pembayaran pinjaman yang telah diluluskan oleh PTPTN. Jumlah tersebut akan dibayar oleh PERBADANAN terus kepada akaun bank PELAJAR di bank seperti yang dinyatakan di dalam **Bahagian V Jadual Pinjaman**, yang disahkan oleh PELAJAR bernombor seperti yang dinyatakan di dalam **Bahagian VI Jadual Pinjaman** atau lain-lain cara yang diputuskan lebih sesuai oleh PERBADANAN dari semasa ke semasa.
3. Pelajar dengan ini bersetuju untuk membayar balik Jumlah Tersebut berserta dengan kos pentadbiran seperti yang dinyatakan di dalam **Bahagian VIII Jadual Pinjaman** kepada PERBADANAN dalam tempoh bayaran balik seperti yang dinyatakan di dalam **Bahagian IX Jadual Pinjaman** bermula dari Tarikh Permulaan Bayaran Balik seperti yang dinyatakan di dalam **Bahagian X Jadual Pinjaman**.
4. Adalah dengan ini dipersetujui dan diakui bahawa **Surat Tawaran Pinjaman Pendidikan** seperti yang dinyatakan di dalam **Bahagian VII Jadual Pinjaman** dan apa-apa tambahan atau pindaan kepadanya, **Lampiran Perjanjian Pinjaman Pendidikan** dan apa-apa Pekeliling Rasmi PERBADANAN yang dikeluarkan oleh PERBADANAN dari semasa ke semasa melalui apa-apa cara sekali pun hendaklah dibaca bersama dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini.

JADUAL PINJAMAN		
BAHAGIAN	PERKARA	BUTIR-BUTIR
I)	Tarikh Perjanjian	Pada DD Haribulan MM Tahun YYYY
II)	Nama PELAJAR	Nama: APPLICANT NAME No. Kad Pengenalan: ID NO
III)	Alamat PELAJAR	APPLICANT PERMANENT ADDRESS LINE 1 APPLICANT'S PERMANENT ADDRESS LINE 2 POSTCODE CITY STATE
IV)	Jumlah Pinjaman Yang Diluluskan	RM APPROVED AMOUNT
V)	Nama Bank	BANK NAME
VI)	No. Akaun Bank	BANK ACCOUNT NUMBER
VII)	No. Surat Tawaran	YYYY/APPLICATION NUMBER
VIII)	Kos Pentadbiran	INTEREST RATE e.g: 3% p.a or 5% p.a ke atas baki prinsipal berkurangan
IX)	Tempoh Bayaran Balik	LOAN TENURE
X)	Tarikh Permulaan Pembayaran Balik	Secara ansuran bulanan tidak lewat dari e.g: enam (6) bulan / satu (1) bulan selepas tamat tempoh pembayaran pinjaman.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS, saya mengakui bahawa saya telah membaca dan memahami syarat-syarat dan terma-terma pinjaman yang dinyatakan di dalam **Perjanjian Pinjaman Pendidikan** ini termasuk **Lampiran Perjanjian Pinjaman Pendidikan** yang akan dibaca bersama dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini dan pihak-pihak yang tersebut dalam perjanjian ini BERSETUJU menurunkan tandatangan dan meterai mereka di sini pada haribulan dan tahun seperti yang dinyatakan di dalam **Bahagian I Jadual Pinjaman** untuk mematuhi segala syarat dan terma Pinjaman Pendidikan ini.

Ditandatangani oleh PELAJAR)

.....
(Tandatangan PELAJAR)

Nama PELAJAR: **APPLICANT NAME**

Disaksikan oleh:

Nama Saksi:)

No. Kad Pengenalan:)

Cop Rasmi Jawatan dan Jabatan:)

.....
(Tandatangan Saksi PELAJAR)

Ditandatangani bagi pihak PERBADANAN)
(Tandatangan Pegawai PERBADANAN)

Nama Pegawai:

Disaksikan oleh:

Nama Saksi:)

No. Kad Pengenalan:)

Cop Rasmi Jawatan dan Jabatan:)
(Tandatangan Saksi PERBADANAN)



PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL**LAMPIRAN PERJANJIAN PINJAMAN PENDIDIKAN**

BAHAWASANYA PERBADANAN telah bersetuju untuk memberikan pinjaman, (kemudian daripada ini disebut "Pinjaman Tersebut") kepada PELAJAR tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung di dalam Perjanjian Pinjaman Pendidikan.

MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI DAN DIAKUI PERKARA-PERKARA BERIKUT:-

1. PELAJAR, dengan ini bersetuju:

- (a) bahawa PELAJAR, akan menumpukan sepenuh perhatian kepada kursus pengajian yang diikuti dengan menghadiri kuliah, tutorial, latihan amali dan sebagainya serta memasuki semua ujian atau peperiksaan yang disyaratkan dalam kursus pengajiannya di universiti, kolej atau institusi sebagaimana yang diluluskan oleh PERBADANAN;
- (b) bahawa PELAJAR, semasa dalam tempoh kursus pengajian itu, akan mematuhi apa-apa peraturan dan tata tertib sebagaimana yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa dalam universiti, kolej atau institusi tersebut;
- (c) bahawa PELAJAR, semasa dalam tempoh kursus pengajian itu tidak akan menjadi ahli atau mengambil bahagian di dalam parti politik, kesatuan sekerja, pertubuhan badan atau kumpulan sama ada di dalam atau di luar institusi, yang tidak selaras dengan kepentingan PELAJAR atau kepentingan Malaysia kecuali setelah mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak yang diberi kuasa meluluskannya di setiap institusi tersebut;
- (d) bahawa PELAJAR, bertanggungjawab sepenuhnya membayar daripada Pinjaman Tersebut segala yuran pengajian dan apa-apa kos lain yang dikenakan oleh universiti, kolej atau institusi di mana PELAJAR mengikuti kursus pengajian tersebut;
- (e) bahawa Pinjaman Tersebut dikenakan kos pentadbiran ke atas baki prinsipal berkurangan mulai Tarikh Permulaan Bayaran balik Pinjaman Tersebut;
- (f) bahawa penentuan tarikh sebenar tamat tempoh pembayaran pinjaman dalam Perjanjian Pinjaman Pendidikan adalah ditentukan oleh PERBADANAN atas budi bicara mutlakanya;
- (g) bahawa PELAJAR, akan membayar balik semua Pinjaman Tersebut berserta kos pentadbiran (kemudian daripada ini disebut "Keseluruhan Pinjaman Tersebut") kepada PERBADANAN secara ansuran bulanan;

(h) bahawa segala maklumat berkaitan dengan Perjanjian Pinjaman Pendidikan boleh diberikan oleh PERBADANAN kepada mana-mana biro pinjaman atau agensi yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia, mana-mana biro lain yang diluluskan oleh Persatuan Syarikat-syarikat Kewangan di Malaysia dan pihak-pihak ketiga lain yang berkemungkinan berurusan dengan PELAJAR dan, pihak PERBADANAN tidak akan menanggung apa-apa liabiliti jika berlaku sebarang kerugian atau kehilangan sama ada secara langsung atau tidak langsung. PERBADANAN juga berhak pada bila-bila masa untuk meminta pihak-pihak di atas menahan apa-apa kemudahan yang dipohon oleh PELAJAR; dan

(i) membenarkan PERBADANAN menyiarkan maklumat PELAJAR yang gagal menjelaskan Keseluruhan Pinjaman Tersebut dalam tempoh yang ditetapkan oleh PERBADANAN di dalam mana-mana siaran media sebaran am termasuk akhbar, televisyen dan radio. PERBADANAN tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang liabiliti, secara langsung atau tidak langsung, yang diakibatkan oleh pendedahan berkenaan, sama ada kepada PERBADANAN atau mana-mana pihak lain.

2. Bagi pelajar Diploma dan Ijazah Pertama jurusan Sains dan Teknologi yang diberi pinjaman tambahan sebanyak RM500 setahun, jumlah ini hendaklah dibayar balik oleh PELAJAR bersama-sama Keseluruhan Pinjaman Tersebut tetapi bayaran balik pinjaman RM500 ini adalah dikecualikan daripada bayaran kos pentadbiran.

3. Pinjaman Tersebut akan dibayar secara berperingkat mengikut kaedah pengajian yang dijalani oleh PELAJAR (penggal atau semester) yang dikira secara pro-rata. Jika PELAJAR digantung mana-mana penggal atau semester, atau memperolehi keputusan peperiksaan bagi semester tersebut kurang daripada tahap yang ditetapkan oleh PERBADANAN dari semasa ke semasa, maka PERBADANAN berhak menggantung pembayaran Pinjaman Tersebut bagi tempoh penggantungan itu. Pembayaran Pinjaman Tersebut boleh atas budi bicara mutlak PERBADANAN disambung semula apabila PELAJAR menyambung semula pengajian atau mendapat keputusan peperiksaan sebagaimana yang ditetapkan oleh PERBADANAN. Walau apapun yang tersebut di atas, PERBADANAN boleh menurut budi bicaranya untuk menentukan kaedah pembayaran yang sesuai bagi PELAJAR. PERBADANAN juga berhak untuk menamatkan Perjanjian Pinjaman Pendidikan sekiranya PELAJAR menamatkan pengajiannya lebih awal daripada tempoh Pembayaran Pinjaman Tersebut.

4. Sekiranya PELAJAR perlu untuk menukarkan nombor akaun dan bank kepada yang baru, PELAJAR hendaklah memaklumkan nombor akaun dan bank yang baru itu secara bertulis kepada PERBADANAN secepat mungkin dan surat berkenaan hendaklah dibaca bersama-sama dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian Pinjaman Pendidikan.

5. Sekiranya Pinjaman Tersebut dibayar oleh PERBADANAN dengan cara bayaran terus kepada universiti, kolej atau institusi berkenaan, potongan bagi bayaran yuran pengajian akan dibuat oleh universiti, kolej atau institusi mengikut amalan/peraturan universiti, kolej atau institusi berkenaan. PELAJAR adalah

dikehendaki membuka akaun bank dan memaklumkan kepada universiti, kolej atau institusi nombor akaun masing-masing.

6. Untuk melindungi kepentingan PERBADANAN akibat kematian atau apa-apa kecacatan kekal yang dialami oleh PELAJAR di sepanjang tempoh pembayaran Pinjaman Tersebut dan tempoh bayaran balik Keseluruhan Pinjaman Tersebut, PERBADANAN adalah berhak mengikut budi bicara mutlaknya mengambil dan memenuhi apa-apa prosedur bagi mengambil termasuk memberikan akad bagi pihak PELAJAR perlindungan insurans yang mencukupi untuk melindungi sepenuhnya Keseluruhan Pinjaman Tersebut daripada penawar pakej insurans yang diluluskan oleh PERBADANAN dan PELAJAR adalah dikehendaki menanggung semua kos termasuk sumbangan bagi perlindungan insurans tersebut. PELAJAR adalah dengan ini memberi persetujuan yang tidak boleh dibatalkan untuk membenarkan PERBADANAN memotong terus kos perlindungan insurans ini mengikut kaedah yang ditetapkan oleh PERBADANAN daripada Pinjaman Tersebut yang dikeluarkan oleh PERBADANAN kepada PELAJAR.

7. Lembaga Hasil Dalam Negeri atau mana-mana ejen lain yang dilantik oleh PERBADANAN menjadi ejen pemungutan untuk dan bagi pihak PERBADANAN untuk mendapatkan pembayaran balik Keseluruhan Pinjaman Tersebut yang kena dibayar balik oleh PELAJAR kepada PERBADANAN adalah berkuasa memaklumkan secara bertulis kepada seseorang majikan yang mengambil PELAJAR bekerja untuk memotong daripada gaji PELAJAR apa-apa jumlah wang yang merupakan amaun bayaran balik bulanan yang dikehendaki daripada PELAJAR bagi tujuan pelepasan Keseluruhan Pinjaman Tersebut dan kemudiannya diremitkan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri atau mana-mana ejen lain yang dilantik. Bagi PELAJAR yang bekerja sendiri PELAJAR hendaklah membuat pembayaran balik Keseluruhan Pinjaman Tersebut terus kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri atau mana-mana ejen lain yang dilantik mengikut amaun bayaran balik bulanan Keseluruhan Pinjaman Tersebut yang telah ditetapkan di dalam Perjanjian Pinjaman Pendidikan atau di dalam notis bayaran balik yang dihantar kepada pelajar.

8. Tiada apa-apa yang terkandung dalam Fasal 7 boleh menjejaskan hak dan kuasa PERBADANAN untuk menuntut bayaran balik Keseluruhan Pinjaman Tersebut terus daripada PELAJAR.

9. Bagi PELAJAR yang gagal membuat pembayaran balik Keseluruhan Pinjaman Tersebut menurut Perjanjian Pinjaman Pendidikan, PERBADANAN boleh memberi notis kepada PELAJAR supaya membayar balik baki Keseluruhan Pinjaman Tersebut termasuk ansuran bulanan yang tertunggak sekaligus dalam satu bayaran dan, sebagai tambahan, boleh mengenakan kos pentadbiran ke atas jumlah ansuran bulanan yang tertunggak itu bagi tempoh yang mana ansuran itu tertunggak.

10. PELAJAR adalah bertanggungjawab memaklumkan kepada PERBADANAN alamat terkini tempat tinggalnya dan alamat terkini tempat bekerjanya dengan serta merta kepada PERBADANAN dari semasa ke semasa.

11. PELAJAR bertanggungjawab memberitahu PERBADANAN secara bertulis berkenaan pemberian apa-apa biasiswa, dermasiswa, pinjaman atau lain-lain bentuk bantuan kewangan yang diberikan kepadanya

semasa berjalannya kursus pengajian yang baginya Pinjaman Tersebut di bawah Perjanjian Pinjaman Pendidikan telah diberikan selepas sahaja pemberian biasiswa, dermasiswa, pinjaman atau lain-lain bentuk bantuan kewangan atau selainnya yang diberikan oleh mana-mana agensi Kerajaan Persekutuan atau Negeri atau lain-lain badan yang pemberian biasiswa, dermasiswa, pinjaman atau lain-lain bentuk bantuan kewangan yang pengeluaran wang tersebut diluluskan oleh Kerajaan untuk tidak dikenakan cukai pendapatan. Apabila PERBADANAN menerima notis itu daripada PELAJAR, PERBADANAN adalah berhak untuk menarik balik atau berhenti memberi apa-apa jumlah selanjutnya berkenaan dengan Pinjaman Tersebut dan meminta PELAJAR membayar balik apa-apa jumlah Pinjaman Tersebut yang dibayar kepadanya dengan serta-merta termasuk kos pentadbiran. Kegagalan PELAJAR untuk memberitahu sedemikian hendaklah disifatkan sebagai suatu pelanggaran terhadap Perjanjian Pinjaman Pendidikan dan PERBADANAN berhak menamatkan Perjanjian Pinjaman Pendidikan tanpa memberi sebarang pemberitahuan notis bertulis kepada PELAJAR. Jika Perjanjian ditamatkan di bawah Fasal ini, PELAJAR hendaklah bertanggungjawab membayar balik jumlah Pinjaman Tersebut yang dibayar kepada PELAJAR dengan serta-merta termasuk kos pentadbiran..

12. Tanpa menjejaskan Fasal 11 Lampiran ini, PERBADANAN boleh atas budi bicara mutlaknya meminta PELAJAR menjelaskan apa-apa jumlah Pinjaman Tersebut yang dibayar kepadanya termasuk kos pentadbiran sama ada melalui ansuran bulanan atau pemotongan sejumlah amaun yang dipersetujui daripada penaja PELAJAR yang baru sama ada agensi Kerajaan Persekutuan atau Negeri atau lain-lain badan yang dinyatakan di bawah Fasal 11 Lampiran ini.

13. Jika PELAJAR melakukan pelanggaran terhadap mana-mana Fasal dalam Lampiran Perjanjian Pinjaman Pendidikan, PERBADANAN boleh, menurut budi bicara mutlaknya, menamatkan Perjanjian Pinjaman Pendidikan dan dengan itu tanpa menyentuh hak-hak PERBADANAN termasuk untuk menuntut bayaran balik ke atas Keseluruhan Pinjaman Tersebut daripada PELAJAR di bawah Perjanjian Pinjaman Pendidikan dan PELAJAR tidaklah lagi mempunyai apa-apa tuntutan ke atas apa-apa faedah Perjanjian Pinjaman Pendidikan.

14. Walau apapun yang tersebut di atas, adalah selanjutnya dipersetujui dan diakui bahawa jika PELAJAR:

- (a) meninggalkan kursus pengajian sebelum tamatnya kursus itu sama ada secara sukarela, atau disebabkan kegagalan;
- (b) melanggar apa-apa peraturan universiti, kolej atau institusi yang ditetapkan ke atas PELAJAR;
- (c) menukarkan kursus pengajian, tanpa persetujuan bertulis PERBADANAN;
- (d) digantung daripada kursus pengajian atau dibuang dari universiti, kolej atau institusi di mana kursus pengajian itu atau mana-mana bahagiannya dijalankan atas apa-apa sebab;
- (e) diisytihar bankrap oleh Mahkamah; atau
- (f) telah melakukan apa-apa pelanggaran yang menyebabkan Perjanjian Pinjaman Pendidikan ditamatkan,

PERBADANAN berhak menamatkan Perjanjian Pinjaman Pendidikan tanpa memberi sebarang pemberitahuan notis bertulis kepada PELAJAR.

15. Walau apapun yang tersebut di atas, PERBADANAN boleh menurut budi bicara mutlaknya tanpa memberi sebarang pemberitahuan notis secara bertulis kepada PELAJAR menamatkan Perjanjian Pinjaman

Pendidikan pada bila-bila masa, jika PERBADANAN mendapati PELAJAR memberi maklumat palsu dalam apa-apa borang yang dikemukakan bagi maksud mendapatkan Pinjaman Tersebut dan dengan ini segala faedah bagi dan tanggungan PELAJAR di bawah Perjanjian Pinjaman Pendidikan adalah terhenti tanpa menjejaskan hak PERBADANAN untuk mendapatkan kembali apa-apa pinjaman yang telah dibayar oleh PERBADANAN kepada PELAJAR di bawah Perjanjian Pinjaman Pendidikan.

16. Tanpa menjejaskan Fasal 7 Lampiran ini, jika PERBADANAN menyediakan satu skim pembayaran balik berkenaan wang yang kena dibayar oleh PELAJAR ke atas Keseluruhan Pinjaman Tersebut kepada PERBADANAN selain daripada yang ditetapkan di bawah Fasal 7, PELAJAR adalah dengan ini memberi persetujuan yang tidak boleh dibatalkan untuk membenarkan PERBADANAN membuat perkiraan dengan sesiapa jua majikan PELAJAR kemudian nanti supaya pendapatannya dipotong dengan sewajarnya bagi pihak PERBADANAN. PERBADANAN adalah berhak pada bila-bila masa untuk mengubah cara dan/atau masa bagi pembayaran balik itu dan meminta pembayaran balik dengan serta-merta bagi Keseluruhan Pinjaman Tersebut atau sebanyak mana yang masih belum dibayar menurut budi bicara mutlakinya tanpa memberi apa-apa sebab baginya. PERBADANAN juga berhak pada bila-bila masa untuk meminta mana-mana Agensi Kerajaan Persekutuan atau Negeri termasuk Jabatan Perkhidmatan Awam, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau Pertubuhan Keselamatan Sosial membayar daripada saguhati persaraan atau caruman PELAJAR bagi tujuan pelepasan Keseluruhan Pinjaman Tersebut.

17. PELAJAR dengan ini memberi pengakuan akan membayar balik kepada PERBADANAN apabila dituntut semua kos dan perbelanjaan untuk menuntut, menyaman atau mendapatkan balik apa-apa wang terhutang oleh PELAJAR kepada PERBADANAN atau menguatkuasakan apa-apa tanggungan lain di bawah Perjanjian Pinjaman Pendidikan.

18. PELAJAR dengan ini memberi kebenaran kepada PERBADANAN untuk menghubungi bank pelajar, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Pertubuhan Keselamatan Sosial atau mana-mana agensi lain untuk mendapatkan maklumat-maklumat peribadi PELAJAR apabila diperlukan bagi tujuan menguatkuasakan Perjanjian Pinjaman Pendidikan.

19. Duti setem yang perlu dibayar kepada Perjanjian Pinjaman Pendidikan hendaklah ditanggung dan dibayar oleh PELAJAR.

20. Sebarang kelonggaran, penangguhan tindakan, kelewatan, atau sikap membiarkan oleh PERBADANAN atau wakil yang dilantik oleh PERBADANAN berkenaan dengan melaksanakan mana-mana syarat dan terma Perjanjian Pinjaman Pendidikan ataupun pemberian masa oleh PERBADANAN kepada PELAJAR, tidak akan dengan apa cara sekalipun memudaratkan, memberi kesan atau mengurangkan hak-hak dan kuasa PERBADANAN di bawah Perjanjian Pinjaman Pendidikan, begitu juga sebarang penepian oleh PERBADANAN akan pelanggaran oleh PELAJAR tidak akan bertindak sebagai penepian terhadap pelanggaran yang berikutnya.


21. Walau apapun yang tersebut di atas sekiranya apa-apa peruntukan di dalam Perjanjian Pinjaman Pendidikan adalah atau menjadi tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan di dalam apa-apa hal sekalipun di bawah apa jua undang-undang, keesahan dari segi undang-undang atau kebolehan untuk dikuatkuasakan peruntukan-peruntukan yang lain tidak akan dalam apa cara sekalipun dijejaskan atau dilemahkan olehnya.
22. PERBADANAN adalah dibebaskan dan tidak bertanggungjawab bagi sebarang ketinggalan atau kegagalan dalam melaksanakan Perjanjian Pinjaman Pendidikan jika ketinggalan atau kegagalan itu timbul daripada keadaan-keadaan darurat seperti rusuhan dan kekecohan awam, mogok, kebakaran, taufan, peperangan, bahaya laut atau kerana sebab-sebab atau bahaya yang di luar kawalan PERBADANAN yang menyebabkan pelaksanaan Perjanjian Pinjaman Pendidikan menjadi mustahil.
23. Sebarang notis yang hendak diberi oleh PERBADANAN mengenai pembayaran balik Keseluruhan Pinjaman Tersebut kepada PELAJAR termasuk Saman, Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan akan menjadi penyampaian yang cukup kepada PELAJAR jika dihantar dengan tangan atau dihantar melalui pos berdaftar atau ditinggalkan di alamat seperti yang tersebut dalam Perjanjian Pinjaman Pendidikan dan jika dihantar melalui pos hendaklah disifatkan sebagai diterima oleh PELAJAR selepas empat puluh lapan (48) jam notis tersebut diposkan. Jika berlaku pertukaran alamat, PELAJAR hendaklah memaklumkan perkara tersebut kepada PERBADANAN dengan serta-merta.
24. Sebarang notis yang hendak diberikan oleh PELAJAR kepada PERBADANAN hendaklah secara bertulis dan menjadi penyampaian yang cukup kepada PERBADANAN jika dihantar dengan tangan atau dihantar melalui pos berdaftar kepada PERBADANAN di alamat seperti yang tersebut dalam Surat Tawaran yang dibaca bersama-sama dengan Perjanjian Pinjaman Pendidikan. Jika berlaku pertukaran alamat, PERBADANAN akan memaklumkan perkara tersebut kepada PELAJAR.
25. Walau apapun yang tersebut di atas PERBADANAN berhak pada bila-bila masa menurut budi bicara mutlaknyanya meminda atau menambah terma-terma atau syarat-syarat yang terkandung di dalam Perjanjian Pinjaman Pendidikan.
26. Seseorang PELAJAR yang ingin meninggalkan Malaysia dan masih dalam tempoh bayaran balik Pinjaman Tersebut adalah bertanggungjawab memberi notis tiga (3) bulan kepada PERBADANAN. PERBADANAN boleh mengikut budi bicara mutlaknyanya meminta PELAJAR untuk membuat bayaran sekaligus Keseluruhan Pinjaman Tersebut sebelum PELAJAR meninggalkan Malaysia.
27. Perjanjian Pinjaman Pendidikan ini adalah dianggap sebagai kontrak yang dibuat di bawah Undang-Undang Malaysia dan bagi semua tujuan akan tertakluk kepada tafsir menurut Undang-Undang Malaysia dan PELAJAR adalah dengan ini bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah di Kuala Lumpur atau mana-mana Mahkamah sebagaimana yang ditentukan oleh PERBADANAN dan PELAJAR adalah dengan ini mengengapikan sebarang bantahan terhadap apa-apa tindakan undang-undang yang berbangkit atau yang berkenaan dengan Keseluruhan Pinjaman Tersebut yang dibawa di dalam Mahkamah di Kuala Lumpur atau

mana-mana Mahkamah di bawah Undang-Undang Malaysia sama ada atas alasan lokasi atau forum yang menyusahkan.

28. Walau apapun yang tersebut di atas, PERBADANAN boleh menurut budi bicara mutlakny tanpa memberi sebarang pemberitahuan notis secara bertulis kepada PELAJAR menggabungkan, menyatukan atau mencantumkan semua atau mana-mana pinjaman PELAJAR dengan PERBADANAN dan PERBADANAN boleh menolak atau memindahkan apa-apa jumlah pinjaman termasuk kos pentadbiran bagi mana-mana pinjaman PELAJAR dengan PERBADANAN mengikut apa-apa terma dan syarat yang disifatkan oleh PERBADANAN patut dikenakan.

29. Adalah dengan ini dipersetujui dan diakui bahawa walau apapun yang berlawanan yang terkandung di atas, PERBADANAN adalah berhak menurut budi bicara mutlakny menarik balik kemudahan Pinjaman Tersebut sekiranya pada pendapat PERBADANAN munasabah dan PELAJAR adalah bertanggungjawab menjelaskan sekali gus baki Keseluruhan Pinjaman Tersebut yang masih ada dari tarikh notis dikeluarkan oleh PERBADANAN.

30. Masa adalah menjadi perkara terpenting di dalam Perjanjian Pinjaman Pendidikan.



PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL**JAMINAN**

(Jaminan ini hendaklah dibaca bersama dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian Pinjaman Pendidikan)

Sebagai balasan bagi jumlah pinjaman yang diluluskan seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual I : Maklumat Pinjaman** (kemudian daripada ini disebut sebagai "Pinjaman Tersebut") yang telah dipersetujui oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (kemudian daripada ini disebut "PERBADANAN") untuk dipinjamkan kepada pelajar seperti yang dinyatakan di dalam **jadual yang sama** (kemudian daripada ini disebut "PELAJAR") dengan syarat Jaminan ini disempurnakan oleh PENJAMIN-PENJAMIN yang mana butiran peribadi mereka dinyatakan di **Jadual II : Maklumat Penjamin**. PENJAMIN-PENJAMIN bersetuju untuk menjamin pelaksanaan oleh PELAJAR terhadap kewajipan dan tanggungjawab di bawah Perjanjian Pinjaman Pendidikan (kemudian daripada ini disebut sebagai "Perjanjian Tersebut") dan selanjutnya telah bersetuju untuk melepaskan tanggungan PERBADANAN terhadap apa-apa kerugian yang akan dialami oleh PELAJAR akibat daripada kemungkiran oleh PELAJAR terhadap PERJANJIAN ini atau mana-mana bahagiannya.

2. PENJAMIN-PENJAMIN menjamin bayaran balik akan dilaksanakan dengan baik oleh PELAJAR dan bersetuju menggantirugi PERBADANAN di atas sebarang kerugian yang dialami kerana pelanggaran atau tidak ditunaikan oleh PELAJAR atas syarat-syarat Perjanjian Tersebut dan diakui bahawa PERBADANAN berhak untuk membuat sesuatu tuntutan terhadap atau mendakwa PENJAMIN-PENJAMIN atau salah seorang daripada mereka.

3. Adalah dengan ini dipersetujui dan diakui bahawa jika bila-bila masa dalam masa berjalan kuat kuasanya Perjanjian Tersebut salah seorang PENJAMIN atau kedua-dua PENJAMIN itu meninggal dunia atau tidak lagi bermastautin dalam Malaysia atau berada di luar Malaysia selama lebih daripada dua belas bulan berturut-turut atau dihukum menjadi seorang bankrap atau memperoleh suatu perintah pentadbiran pemakan gaji, maka dalam tiap-tiap hal yang sedemikian itu, seseorang daripada PENJAMIN-PENJAMIN yang masih ada, hendaklah mendapatkan seorang penjamin baru untuk menggantikan seorang daripada PENJAMIN-PENJAMIN itu melainkan dia disetujui terima oleh PERBADANAN dan dia bersetuju untuk menjadi seorang PENJAMIN mengikut had-had dan syarat-syarat PERJANJIAN dan Jaminan ini. Walau apapun peruntukan yang dinyatakan di sini, PERBADANAN adalah berhak untuk menggunakan budi bicaranya dalam menentukan perihal berkenaan PENJAMIN-PENJAMIN dari semasa ke semasa.

4. Adalah selanjutnya dipersetujui dan diakui bahawa jika PELAJAR:

- (a) meninggalkan kursus pengajian sebelum tamatnya kursus itu, sama ada secara sukarela atau disebabkan kegagalan;
- (b) melanggar apa-apa peraturan universiti, kolej atau institusi yang ditetapkan ke atas Pelajar;
- (c) menukarkan kursus pengajian tanpa persetujuan bertulis PERBADANAN;
- (d) digantung daripada kursus pengajian atau dibuang dari universiti, kolej atau institusi di mana kursus pengajian itu atau mana-mana bahagiannya dijalankan atas apa-apa sebab;
- (e) diisytihar bankrap oleh Mahkamah; atau

- (f) telah melakukan apa-apa pelanggaran yang menyebabkan Perjanjian Pinjaman Pendidikan ditamatkan,

maka dalam mana-mana hal yang demikian itu, PERBADANAN adalah berhak untuk menamatkan Perjanjian Pinjaman Pendidikan tanpa memberi sebarang pemberitahuan notis bertulis kepada PELAJAR dan PENJAMIN-PENJAMIN dan dengan ini, segala faedah bagi dan tanggungan PELAJAR di bawah Perjanjian Tersebut adalah terhenti tanpa menjejaskan hak PERBADANAN untuk mendapatkan kembali daripada PELAJAR dan PENJAMIN-PENJAMIN Keseluruhan Pinjaman Tersebut.

JADUAL I : MAKLUMAT PINJAMAN

PERKARA	BUTIRAN PELAJAR
NAMA PELAJAR	Nama APPLICANT NAME Nombor Kad Pengenalan: ID NUMBER
ALAMAT PELAJAR	APPLICANT PERMANENT ADDRESS LINE 1 APPLICANT'S PERMANENT ADDRESS LINE 2 POSTCODE CITY STATE
INSTITUSI	INSTITUTION NAME
KURSUS/PROGRAM	COURSE NAME
JENIS PENGAJIAN	TYPE OF ENROLMENT
PERINGKAT PENGAJIAN	LEVEL OF STUDIES
TEMPOH PEMBAYARAN PINJAMAN MULAI HINGGA	DISBURSEMENT PERIOD DISBURSEMENT START DATE DISBURSEMENT END DATE
PINJAMAN YANG DILULUSKAN	RM APPROVED AMOUNT

JADUAL II : MAKLUMAT PENJAMIN

PENJAMIN PERTAMA	PENJAMIN KEDUA
NAMA: GUARANTOR NAME 1	NAMA: GUARANTOR NAME 2
NO. KP : GUARANTOR 1 ID NO	NO. KP: GUARANTOR 2 ID NO
ALAMAT: GUARANTOR 1 ADDRESS LINE 1 GUARANTOR 1 ADDRESS LINE 2 POSTCODE CITY STATE	ALAMAT: GUARANTOR 2 ADDRESS LINE 1 GUARANTOR 2 ADDRESS LINE 2 POSTCODE CITY STATE

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS, saya mengakui bahawa saya telah membaca dan memahami syarat-syarat dan terma-terma yang dinyatakan dalam Jaminan ini.

Ditandatangani oleh **PENJAMIN PERTAMA**)
(Tandatangan PENJAMIN PERTAMA)

Nama PENJAMIN PERTAMA: **GUARANTOR 1 NAME**

Disaksikan oleh:

Nama Saksi:)
No. Kad Pengenalan:)

Cop Rasmi Jawatan dan Jabatan)
(Tandatangan Saksi PENJAMIN)

Ditandatangani oleh **PENJAMIN KEDUA**)
(Tandatangan PENJAMIN KEDUA)

Nama PENJAMIN KEDUA: **GUARANTOR 2 NAME**

Disaksikan oleh:

Nama Saksi:)
No. Kad Pengenalan:)

Cop Rasmi Jawatan dan Jabatan)
(Tandatangan Saksi PENJAMIN)

Bertarikh hb , 200....